

**AWQAF
HOLDINGS BERHAD**

(1015578-X)



LAPORAN TAHUNAN **2016**

WAQAF KORPORAT®
INSTITUSI
MEMPERKASA UMAT

K A N D U N G A N LAPORAN TAHUNAN

2016



M/S 10



M/S 13



M/S 13

PERKARA

MUKA SURAT

1. AHLI LEMBAGA PENGARAH	1
2. PENERIMAAN STATUS MUTAWALLI	2
3. TABUNG WAKAF ZuriatCARE	3
4. VISI & MISI	4
5. TADBIR URUS KORPORAT	6
6. KEAHLIAN AWQAF	7
7. DANA WAKAF	8
8. AKTIVITI ZuriatCARE	9
9. PEMBANGUNAN PERSADA AWQAF	10
10. AKTIVITI UTAMA PEMBUDAYAAN WAKAF	13
11. GALERI MEDIA	17
12. KENYATAAN KORPORAT	18
13. LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN	28
14. LAMPIRAN	29
14.1 NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN	30
14.2 BORANG PROKSI	32
14.3 NOTIS MESYUARAT AGUNG LUAR BIASA	34
14.4 CADANGAN PINDAAN	
14.5 BORANG AHLI	38
14.6 RISALAH ZuriatCARE	40



M/S 14



M/S 9



M/S 9

پرسادا اوقاف



PERSADA AWQAF



PELUANG MEMILIKI KEDAI & PEJABAT BERSTATUS “FREEHOLD” DI PUSAT BANDAR PUTRAJAYA

Bersebelahan
Masjid
Tuanku Mizan
Zainal Abidin

Harga
Pejabat
Dari RM 425k
& Harga Kedai
Dari
RM 900k

Akan
Dihubungkan
Dengan MRT
& High Speed
Rail (HSR)

Pulangan
Pelaburan
Hartanah
Terbaik

Bersama Menjayakan Matlamat
Wakaf Korporat

Persada
Awqaf



AWQAF HOLDINGS BERHAD



AWQAF HOLDINGS BHD
(1015578-X)

“WAQAF KORPORAT DITERAJUI MASYARAKAT PENYELAMAT HARTA BANGSA DAN UMAT!”

“Warga Malaysia merasa tergugat dan terancam apabila aset strategik milik negara diswasta / dikompromikan, dibiar menjadi milik gergasi korporat asing.”



**WAQAF
KORPORAT®
INSTITUSI
MEMPERKASA
EKONOMI
UMAT**

Tan Sri Muhammad Ali Hashim
Pengerusi / Chairman



“A COMMUNITY-DRIVEN CORPORATE WAQF® INSTITUTION UPHOLDING JUSTICE AND BRIDGING ECONOMIC DIVIDES.”

Malaysians were particularly alarmed when strategic national assets were compromised and allowed to be privatised and acquired by foreign-owned corporations. A critical mass of Corporate Waqfs® can serve as a robust institutional shield to protect and preserve national assets to secure the economic wellbeing of future generations of Malaysians.

www.awqaf.com.my

AHLI LEMBAGA PENGARAH

BOARD OF DIRECTORS



1. Tan Sri Muhammad Ali Hashim
2. Tuan Hj. Mohammad Sahar Mat Din
3. Tan Sri Datin Paduka Siti Sa'diah
Sheikh Bakir
4. Prof. Dr. Engku Rabiah Adawiah
Engku Ali
5. Encik Abdul Mohsein Mohd Shariff
6. Puan Azizah Abdul Rahman
7. Dato' Dr. Mohamed Razali
Dato' Mohamed Yusoff
8. Datuk Dr. Mohd Ghazali Md Noor
9. Puan Norhana Ramli

- Pengurus/ *Chairman*
- Timbalan Pengurus/ *Deputy Chairman*
- Pengurus ZuriatCARE/ *ZuriatCARE Chairman*
- Pakar Syariah & Pengarah Bebas/
Syariah Expert & Independent Director
- Pengarah Bebas/ *Independent Director*
- Setiausaha Syarikat/ *Company Secretary*

PENERIMAAN STATUS MUTAWALLI DARIPADA PENGERUSI, MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN

RECEIVING MUTAWALLI STATUS FROM NEGERI SEMBILAN ISLAMIC COUNCIL



مجلس اسلام نegeri سمبilan
Majlis Agama Islam Negeri Sembilan
KARUNG BERKUNCI NO. 22, POS MALAYSIA, 70990 SEREMBAN
TEL : 06-762 0642 / 762 0643 / 762 0645 FAX : 06-762 0648
EMAIL : bastutma@mains.gov.my
Laman Web : www.maains.gov.my

Bahagian Dairi Seremban
No. 22, Karung Berkunci
70990 Seremban,
Negeri Sembilan Darul Khushus
Tel: 06-762 2214
Fax: 06-479 2213

Bahagian Dairi Kuanit Pahat
No. 2, Tingkat 1
Jalan Angkong Jaya
Batu Pahat Perda
72000 Kuanit Pahat
Negeri Sembilan Darul Khushus
Tel: 06-479 1398
Fax: 06-479 1391

Bahagian Dairi Port Dickson
No. 34-G, Jalan Watford 2,
PD Heights
71000 Port Dickson
Negeri Sembilan Darul Khushus
Tel: 06-442 3800
Fax: 06-442 3802

Bahagian Dairi Jempol
No. 2, Jl. Tengku 1, Tengku Square
Jln. Cawangan
72100 Batu Pahat
Negeri Sembilan Darul Khushus
Tel: 06-452 2300 / 2302 / 2303 / 2304
Fax: 06-452 2300 / 2304

Bahagian Dairi Tanjung Malim
PT 82, Tengku 1, Tanjung Square
Jln. Besar, 73000 Tanjung Malim
Negeri Sembilan Darul Khushus
Tel: 06-642 1332 / 1334
Fax: 06-642 1330

Bahagian Dairi Johor Bahru
No. 12, Tingkat Aas,
Kota Permai Baru
Kota Iskandar
76000 Kuah Keling, Johor
Negeri Sembilan Darul Khushus
Tel: 06-541 8910 / 933
Fax: 06-541 8910

Bahagian Dairi Rembau
Lebuh 300, Jalan Mukhriz
71300 Rembau
Negeri Sembilan Darul Khushus.
Tel: 06-689 7205 / 298 / 207
Fax: 06-689 7206

Ruj. Kami : KEW/BAIT-NS 400-1/12 (14)
Tarikh : 25 Jun 2015

Pengerusi
AWQAF Holdings Berhad
Suite No. 8, PKNS BizPoint
No. 67 B, Tingkat 2
Jalan Plumbum P7/P8 Seksyen 7
40000 Shah Alam, Selangor

YBhg. Tan Sri,

**PERMOHONAN MENDAPATKAN PENGAKTIRAFAN MUTAWALLI DARIPADA
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN UNTUK AWQAF HOLDINGS
BERHAD**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Tan Sri, Mesyuarat Majlis Agama Islam Negeri Sembilan Kali Ke 226 yang bersidang pada 31 Mac 2015 yang lalu telah bersetuju dengan permohonan ini tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan seperti di bawah:

2.1 Tafsiran Wakaf Korporat perluah seragam dan selaras dengan tafsiran yang telah dinyatakan oleh Yayasan Wakaf Malaysia iaitu:

"Satu sumbangan wakaf kumpulan denaray melebihi RM50 juta, disumbangkan oleh pelbagai pihak, diluruskan oleh badan yang diliktiraf sah oleh MAIN di Malaysia. Dana digunakan untuk mewujud dan membangunkan aset kekal yang difitarfkan atas nama MAIN di mana manfaatnya boleh disalurkan untuk membantu peningkatan aktiviti ekonomi dan sosial ummah"

2.2 Pemberian Mutawalli adalah terhad kepada peranan AWQAF sebagai pengurusan wakaf dan kedudukan MAINS sebagai pemegang amanah tunggal wakaf di Negeri Sembilan adalah jelas dan terus terperihala.

2.3 Akaun kutipan / sumbangan wakaf dan aset wakaf yang telah sempurna pembelian / proses jual beli (baik bangunan) hendaklah difitarfkan sebagai aset wakaf di bawah Majlis Agama Islam Negeri Sembilan sekiranya ia nyata diperolehi dalam Negeri Sembilan.

2.4 Sekiranya aset wakaf itu terletak di luar Negeri Sembilan, kelulusan dan pendaftaran aset hendaklah atas nama Majlis Agama Islam Negeri tersebut sebagai pemegang amanah tunggal harta-harta wakaf dan maupun alih-alih daftar atas nama Majlis Agama Islam Negeri Sembilan atau Awqaf Holdings Berhad.

2.5 Segala urusan promosi dan kempen yang berkaitan dengan Awqaf Holdings Berhad bagi mendapatkan dana yang dilaksanakan di luar Negeri Sembilan perlu dibuat secara harmoni dengan mendapat kelulusan pihak berkuasa agama negeri yang berkenaan.

2.6 Perjanjian akan disemak dan diteliti semula oleh Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri selaras dengan syarat yang telah dikemukakan dan juga berdasarkan Enakam Wakaf (Negeri Sembilan) 2005.

3. Sahabutan dengan itu, pihak YBhg. Tan Sri diminta mengemukakan diri perjanjian yang baru bagi memastikan syarat-syarat di atas dipatuhi dengan seavajarnya.

Kerjasama dan keperihatinan YBhg. Tan Sri amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

"**BERKHIDMAT UNTUK NEGARA**"
"1 MALAYSIA, RAYAKAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN"

Saya yang menurut gerihat

(Kamal Amran Bin Kamarudin)
Setiausaha
Majlis Agama Islam Negeri Sembilan



2 Disember 2014

"Mesyuarat Majlis Agama Islam Negeri Sembilan Kali Ke 226 yang bersidang pada 31 Mac 2015 yang lalu telah bersetuju dengan permohonan ini"

"Negeri Sembilan Islamic Council at its meeting no. 226 held on 31 March 2015 has given its approval to the application by AWQAF"

25 Jun 2015

ZuriatCARE

Awqaf Holdings Bhd telah menubuhkan Tabung Waqaf ZuriatCARE dengan peruntukan sebanyak RM132,500 pada 21/6/2015. Matlamat ZuriatCARE ialah mengendalikan Program Amal Kebajikan Awqaf yang ditujukan khas untuk menangani dan mendokong NGO Islamik yang aktif di dalam program melindungi kepentingan bayi, khasnya dalam kalangan yang terbuang atau ditinggalkan ibu-bapa.

Awqaf Holdings Bhd has established a Waqf Fund ZuriatCARE with an allocation of RM132,500 on 21/6/2015. ZuriatCARE's goal is to manage the Awqaf's charity program and cooperate with NGOs in order to overcome the phenomenon of abandoned babies.



**“ Bayi adalah zuriat masa hadapan
dan perlu dilindungi sebaik-baiknya... ”**

Tan Sri Datin Paduka Siti Sa'diah Sheikh Bakir
Pengerusi ZuriatCARE

Objektif *Objective*



Memberi kesedaran
Create awareness



Bekerjasama dengan NGO
Cooperation with NGOs



Mengatasi gejala pembuangan bayi
*overcome the phenomenon
of abandoned babies*

Pemegang Amanah Tabung Wakaf ZuriatCARE / ZuriatCARE Trustees:



1. Tan Sri Datin Paduka Siti Sa'diah Sheikh Bakir - Penggerusi ZuriatCARE
2. Tuan Hj. Mohammad Sahar Mat Din
3. Puan Azizah Abdul Rahman
4. Puan Norhana Ramli
5. Encik Abdul Mohsein Mohd Shariff
6. Encik Hafidzamzahry Othman
7. Puan Alia Muhammad Ali
8. Ustaz Ashraf Suarin
9. Cik Siti Intan Amira Khairudin

Sumbangan kepada Tabung Wakaf ZuriatCARE dialu-alukan. Segala bentuk sumbangan boleh dibuat melalui **Akaun Semasa Bank (BIMB) 16018010022853** atas nama AWQAF HOLDINGS BERHAD. Untuk maklumat lebih lanjut sila layari www.awqaf.com.my.



AWQAF HOLDINGS BERHAD
(1015578-X)

**“WAQAF KORPORAT® DITERAJUI MASYARAKAT
PENYELAMAT HARTA BANGSA DAN UMAT!”**



VISI

“Menggunakan keupayaan luar biasa Waqaf Korporat® dan memanfaatkan kelestarian wakaf mentransformasi ekonomi untuk membina masyarakat yang adil dan makmur.”



MISI

“Membina bisnes, menghimpunkan aset, menambahkan nilai dan memupuk daya keusahawanan *entrepreneur* menjana peluang ekonomi baru memakmurkan masyarakat menerusi kaedah bisnes dan korporat bersumberkan dana wakaf.

Menjadi institusi Waqaf Korporat® diterajui komuniti merealisasikan matlamat Jihad Bisnes bertujuan memperkasa ekonomi masyarakat Islam memakmurkan semua.”

Umat Islam dianjurkan menyempurnakan Sunnah bisnes dengan membangun bisnes masing-masing untuk merealisasikan matlamat besar Jihad Bisnes. Ahli bisnes dan entrepreneur Muslim juga dituntut menggunakan kaedah kreatif menggembungkan tenaga dan ciri-ciri dinamis kapitalisme dengan menentukan amalan kaedah bisnes menepati Maqasid al-Syariah.


Mereka juga mesti berinovatif dalam membangunkan institusi yang pada jangka panjangnya dapat memperbaiki kerosakan dan kepincangan yang berpunca daripada sistem kapitalis liberal global. Sistem ini melampau memihak kepada golongan kaya dan berharta, mengakibatkan berleluasanya ketidakadilan dan kezaliman ekonomi, meminggir dan menindas warga miskin dan lemah, sekali gus mengkorupsikan budaya masyarakat dan iklim politik negara.

Waqaf Korporat® sebagai suatu inovasi institusi berpotensi membawa pembaharuan menegakkan

keadilan ekonomi di negara-negara Islam.

Ringkasnya, Waqaf Korporat® ialah sebuah institusi dwi-fungsi yang berupaya menggabungkan kedua-dua dinamika, iaitu kehebatan tenaga korporat di satu pihak, dengan tenaga spiritual wakaf sebagai satu institusi perkasa kurniaan Islam yang memangkinkan aset dan harta umat dikenalkan hak milik setelah diwakafkan atas nama Allah SWT.

Kombinasi perkasa ini membolehkan umat Islam menghimpun harta dan menambah nilai harta bertujuan memakmurkan kehidupan, menegakkan keadilan ekonomi berlandaskan prinsip harta sebagai amanah. Himpunan harta kekayaan menerusi kaedah Waqaf Korporat®, insya Allah, dapat mengekalkan hak milik warga Malaysia berpanjangan generasi demi generasi.



AWQAF HOLDINGS BERHAD
(1015578-X)

**"A COMMUNITY-DRIVEN CORPORATE WAQAF® INSTITUTION
UPHOLDING JUSTICE AND BRIDGING ECONOMIC DIVIDES."**



VISION

"Bridging economic divides through Corporate Waqf's unique capability and harnessing waqf's sustainability to transform the economy and build a just and prosperous society."



MISSION

"To build businesses, accumulate assets, add value and entrepreneurially create new economic opportunities to prosper society through waqf-funded business and corporate methods.

To become a community-driven Corporate Waqf® institution to realize the objectives of Business Jihad and economically empower the Muslim community to prosper everyone."

In their business pursuits and to ultimately serve the Business Jihad cause, it is imperative for Muslim businessmen and entrepreneurs to harness the energy and proven dynamics of capitalism to uphold the objectives of Maqasid al-Syari'ah by adopting Syari'ah-compliant business methods and creatively develop institutions that can reverse the damage and distortion, inequality and economic injustice, as well as the corrosion and corruption caused by the excesses of global capitalism.

One such institutional innovation is the Corporate Waqf®.

Corporate Waqf® is a hybrid institution that combines the dynamics of both the corporation as a business powerhouse and waqf as a virtuous Islamic institution, enabling perpetual endowment of assets in Allah's name.

This formidable combination makes it possible to pursue sustainable wealth-creation as an amanah or faith-based trust, with waqf ownership perpetually representing the interests of the economically-deprived, the marginalized and the disenfranchised majority members of society.

KELEBIHAN AWQAF DIDAFTAR SEBAGAI SYARIKAT ADVANTAGES AWQAF BEING REGISTERED AS A COMPANY

Awqaf yang didaftarkan sebagai sebuah syarikat di bawah Akta Syarikat 2016 menerima pakai semua kaedah standard pengurusan amalan korporat terbaik terutama ketelusan dan kebertanggungjawaban.

As a company registered under Companies Act 2016, Awqaf is committed to adopt best practice and highest corporate governance standards of transparency and accountability.

MENEGAKKAN SYURA DAN MEMATUHI TADBIR URUS KORPORAT TERBAIK CONSENSUS-BASED DECISION MAKING AND ADOPTING HIGHEST CORPORATE GOVERNANCE STANDARDS

AHLI JAWATANKUASA EKSEKUTIF EXECUTIVE COMMITTEE MEMBERS (EXCO)



- | | |
|------------------------------------|--|
| 1. Tan Sri Muhammad Ali Hashim | - Pengerusi / Chairman |
| 2. Tuan Hj. Mohammad Sahar Mat DIn | - Timbalan Pengerusi / Deputy Chairman |
| 3. Puan Azizah Abdul Rahman | - Pengarah Kewangan / Finance Director |
| 4. Puan Norhana Ramli | - Setiausaha Syarikat / Company Secretary |
| 5. Encik Hafidzamzahry Othman | - Ketua Pegawai Kewangan / Chief Financial Officer |

AHLI JAWATANKUASA AUDIT AUDIT COMMITTEE MEMBERS



- | |
|---|
| 1. Tan Sri Datin Paduka Siti Sa'diah Sheikh Bakir
(Pengerusi / Chairman) |
| 2. Puan Azizah Abdul Rahman |
| 3. Encik Abdul Mohsein Bin Mohd Shariff |


Auditor :

Messrs Afrizan Tarmili Khairul Azhar (AFTAAS/
AF:1300), 4-04-2, Presint Alami, Pusat
Perniagaan Worldwide 2, Seksyen 13, 40100
Shah Alam, Selangor.

RINGKASAN MAKLUMAT KORPORAT

SUMMARY OF CORPORATE INFORMATION

STATUS KEAHLIAN / MEMBERSHIP STATUS (PADA 31 MEI 2017 / AS AT 31 MAY 2017)





Penerimaan Yayasan Iqra'
Sebagai Ahli Zamrud Yang Disampaikan
Oleh Dato' Seri Idris Jusoh,
Penasihat Yayasan Iqra' Pada 7 Mac 2017

Registration of Yayasan Iqra'
as Zamrud Member Handed over
by Dato' Seri Idris Jusoh,
Advisor of Yayasan Iqra' On 7 March 2017

TERIMAAN SUMBANGAN WAKAF MENGIKUT KATEGORI AHLI DAN JENIS TABUNG WAKAF

ENDOWMENT RECEIVED FROM MEMBERS



■ Balatin

■ Zamrud

■ Zahab

■ Fiddah

■ Hadid Kehormat ■ Hadid

■ Wakaf Am

■ ZuriatCARE

AKTIVITI ZURIATCARE / ZURIATCARE ACTIVITIES



Hari ZuriatCARE@FSSK - Forum "Sex Education: Yay or Nay?"

UKM, 11 Mei 2017



Lawatan ke Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan

Visit to Centre Women Protection Baitul Ehsan
Sabak Bernam, 17 April 2017



Lawatan ke Pertubuhan Kebajikan Darul Wardah

Visit to Darul Wardah Welfare Organization
12 Oktober 2016



Program Kesedaran Seksual: "Antara Cinta dan Cita-cita, Yang Mana Utama?"/ Sexual awareness program: "Choice Between Love and Career, Which Should Be Given Priority?"

KPJ HealthCARE University College, 6 Ogos 2016



Program Kesedaran Seksual: "Atas Nama Cinta"/ Sexual Awareness Program: In The Name of Love

SMK Putrajaya Presint 14 (1), 5 Ogos 2016



Forum "ZURIAT - Satu Amanah Atau Fitnah"/ Forum "Progeny - A Responsibility or an Extreme Challenge"

Auditorium Perpustakaan Raja Tun Uda, Shah Alam, 29 Mei 2016

PEMBANGUNAN PERSADA AWQAF, PUTRAJAYA

PERSADA AWQAF DEVELOPMENT, PUTRAJAYA



Lokasi Persada AWQAF



Semua kelulusan diperlukan daripada pihak berkuasa Putrajaya telah diperolehi.

All necessary approvals from the relevant Putrajaya authorities have been obtained.

Awqaf telah melantik Mekar PDP Sdn Bhd sebagai Rakan Pembangunan dan Pemasaran Projek Persada Awqaf.

Awqaf has appointed Mekar PDP Sdn Bhd as a Development and Marketing Project Partner of Persada Awqaf.

Awqaf juga telah melantik Syarikat Pembinaan Anggerik Sdn Bhd sebagai Rakan Pembinaan Projek

Awqaf has also appointed Syarikat Pembinaan Anggerik Sdn Bhd as a Project Construction Partner.

Awqaf kini di peringkat akhir untuk mendapatkan pembelian tanah/pembangunan projek daripada sebuah Bank Islamik (RM52 juta).

Awqaf now are in the final stages of financing the purchase of land / project development from an Islamic Bank (RM52 million).

Pecah tanah projek dijangka dilaksanakan pada Julai 2017.
Groundbreaking ceremony for Persada Awqaf is expected to be held in July 2017.

MODEL BISNES UNTUK PEMBANGUNAN PERSADA AWQAF PUTRAJAYA BUSINESS MODEL FOR THE PERSADA AWQAF PUTRAJAYA DEVELOPMENT

Fokus keutamaan: Membuka peluang pelaburan dalam “asset class investment” di lokasi pusat bandar di presint bisnes (Central Business District - CBD) Putrajaya yang berpotensi bertambah nilai tinggi

Top priority : To offer opportunity for investment in a high-value property ownership with asset class investment prospects at one of Malaysia’s prime locations, namely at the Putrajaya CBD (Central Business District) that is anticipated to become one of Malaysia’s highly attractive urban real estate propositions.

Persada Awqaf Putrajaya dibangunkan berdasarkan prinsip bisnes menawarkan peluang pelaburan istimewa, selain memudahkan Awqaf Holdings Bhd mendapat akses kepada pembiayaan bank untuk pembelian tanah dan membiaya pembangunan projek.

Persada Awqaf Putrajaya is developed based on the business principles of offering attractive returns plus medium and long-term value enhancement. Such a business model also ensures the bankability of the Persada Awqaf Project for purchase of land as well as financial facilities for project development. Similarly, it facilitates investors’ access to bank financing for their investments.

Alhamdulillah, sebagai “asset class investment”, sekalipun masih belum dilancar secara rasmi, strategi pemasaran Persada Awqaf serta ciri wakafnya berjaya menarik minat dan komitmen beberapa bakal pembeli dan pelabur utama seperti berikut:-

- Sebuah GLC yang menyatakan minat membeli Block A (298,711.76 kaki persegi, dengan nilai RM190 juta).
- Sebuah lagi GLC menyatakan minat membeli Block D (70,901 kaki persegi dengan nilai RM74 juta).

Alhamdulillah, as an extraordinary asset class investment, even though the project has yet to be officially launched, Persada Awqaf has been successful in its marketing effort, recording commitments and special interest in a waqf-related development concept from among the following prospective buyers and investors:-

- One GLC has officially expressed interest to purchase Block A (298,711.76 sq. feet valued at RM190 million).
- Another GLC has similarly expressed official interest to purchase Block D (70,901 sq. feet valued at RM74 million).

Pembangunan Block B/C sebagai AWQAF INTERNATIONAL HALAL MALL (AIHM) dengan kegunaan seperti berikut:-

- Sebahagian 34,218 kaki persegi membabitkan 40 unit premis bernilai RM37,5 juta telah berjaya dijual kepada sejumlah 33 pelabur dari kalangan Ahli Awqaf dan Ahli DPIM serta pelabur dan ahli bisnes swasta Muslim.
- Kawasan selebihnya, (2,000 kaki persegi) akan kekal menjadi aset wakaf milik Awqaf Holdings untuk kegunaan ruang pejabat Awqaf Holdings Bhd. dan ruang pejabat DPIM sebagai Pengasas Awqaf Holdings Bhd.
- Kawasan selebihnya seluas 73,444 kaki persegi dicadang untuk dimajukan sebagai AIHM.

Persada Awqaf plans to also develop Blocks B/C into an AWQAF INTERNATIONAL HALAL MALL (AIHM), with the following planned space allocations:-

- A total of 34,218 sq. feet involving 40 unit of premises to be specially offered to 33 buyers from among investors who are members of Awqaf and DPIM/MICC as well as several Muslim private sector investors who had earlier officially committed to purchase premises valued at RM37.5 million.
- Approximately 2,000 sq. feet shall remain as waqf assets of Awqaf Holdings Bhd to be utilised and allocated for Office premises for Awqaf Holdings Bhd. and Office premises for the Malaysian Islamic Chamber of Commerce as initiators and co-founders of Awqaf Holdings Bhd.
- The rest of 73,444 sq. feet shall be developed into Malaysia’s first AIHM.

Penyeawaan jangka panjang kepada Dewan Perdagangan Islam atau agensi dari negara-negara seperti Turki, Iran, Pakistan, Indonesia, Timur Tengah, juga organisasi bisnes Muslim dari India, Thailand, Jepun, Korea Selatan, China dan sebagainya untuk memperdagangkan produk halal dan makanan, restoran serta industri halal masing-masing.

To offer business premises at AIHM on long-term lease to agencies or Islamic Chambers of Commerce from Islamic countries such as Turkey, Iran, Pakistan, Indonesia, the Middle East, as well as Muslim business interests from India, Thailand, Japan, South Korea, China etc. AIHM will allow traders and business organisations to market and promote their respective halal products and industries, including operating halal foods and restaurants.

AIHM akan dimajukan sebagai satu-satunya pusat tarikan istimewa untuk pelancong dan pelawat bisnes di Putrajaya, juga satu tarikan unik ke Malaysia. AIHM akan menyediakan ruang pameran untuk persidangan bisnes, selain untuk Karnival dan Exhibition produk, bisnes dan industri halal dalam negara atau antarabangsa.

To develop AIHM into a prime tourist attraction in Putrajaya as well as nationally, offering space for trade and investment displays, exhibitions, promotions and conferences for domestic as well as international halal products and industries.

MERCUTANDA PEMBANGUNAN PERSADA AWQAF PUTRAJAYA



Pembelian Tanah di Precint 3 daripada Putrajaya Holdings Sdn Bhd
Purchase of Land at Precint 3 from Putrajaya Holdings Sdn Bhd
24 Mac 2015



Awqaf telah melantik Mekar PDP Sdn Bhd sebagai Rakan Pembangunan dan Pemasaran Projek Persada Awqaf.
Awqaf has appointed Mekar PDP Sdn Bhd as a Development and Marketing Project Partner for Persada Awqaf.



Majlis Menandatangani Perjanjian Kerjasama, 26 Januari 2017

Awqaf juga telah melantik rakan strategik Syarikat Pembinaan Anggerik Sdn Bhd sebagai Rakan Pembinaan Projek

Awqaf has also appointed Syarikat Pembinaan Anggerik as Construction Project Partner

BEETMAL™
www.awqaf.com.my

- * Khidmat mewakaf dan mendaftar ahli Awqaf secara atas talian
- * Platform digital atas talian
- * Khidmat pemasaran atas talian
- * Menguruskan media sosial Awqaf
- * Online endowment and members registration
- * Online digital platform
- * Online Marketing Service
- * Managing Awqaf's social media

BeetMal sebagai platform digital atas talian

BeetMal as a online digital platform

MERCUTANDA PEMASARAN / MARKETING MILESTONES



Majlis penyerahan surat tunjuk minat oleh sebuah GLC bagi Block D
Submission letter of intent from a GLC for Block D



Majlis penyerahan surat tunjuk minat oleh sebuah GLC
Submission letter of intent from another GLC for Block A

27 Mac 2017

AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA PEMBUDAYAAN WAKAF 2016 - 2017 MAJOR WAQF ENGAGEMENT ACTIVITIES 2016 - 2017

Multaqa Majlis Perundingan Islam (MPI): Resolusi Kluster Ekonomi The Malaysian Islamic Consultative Council Conference: Resolution from The Economic Cluster

Putrajaya, 28 September 2016

Resolusi Pertama: Mengiktiraf penubuhan Waqaf Korporat diperingkat pusat dan negeri-negeri sebagai langkah awal dalam proses jangka panjang mengintegrasikan nilai-nilai Rabbaniyyah dan istiklaf ke dalam sistem ekonomi Malaysia /

First Resolution: MPI endorse the establishment of Corporate Waqf both at Federal and State levels.



MPI dipengerusikan oleh
Timbalan Perdana Menteri Malaysia



MICC chaired by
The Malaysian Deputy Prime Minister

Muktamar Wakaf Antarabangsa Makkah / Makkah International Waqf Congress

Makkah, 20 Oktober 2016

Di bawah anjuran Pemegang Amanah Masjid Haram Makkah dan Madinah /
Organised by The Trustee of Two Holy Mosques of Mecca and Madinah

Peluang luar biasa Awqaf Holding Bhd berkongsi pengalaman menubuhkan institusi Waqaf Korporat® di Malaysia /
Extraordinary opportunity to showcase Malaysia's experiences in establishing Corporate Waqf® .



Forum turut disertai Mantan Menteri Wakaf Saudi,
Timbalan Menteri Wakaf Turki, Menteri Wakaf Jordan, dan Menteri Wakaf Sudan




The forum also involved Former Minister of Waqf Saudi Arabia, Deputy Minister of Waqf Turkey, Minister of Waqf Jordan, and Minister of Waqf Sudan.

AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA PEMBUDAYAAN WAKAF 2016 - 2017 MAJOR WAQF ENGAGEMENT ACTIVITIES 2016 - 2017

Persidangan Antarabangsa “Agama dan Tamadun” anjuran IKIM

Kuala Lumpur, 20 - 21 Februari 2017




Islamic Finance News (IFN) Asia Forum 2017 “The Untapped Potential of Waqf Funds”

KLCC, 11 April 2017



Konvensyen Nasional Penyatuan Bangsa 2016

UiTM Shah Alam, 8 - 10 November 2016



AKTIVITI PEMBUDAYAAN WAKAF 2016 - 2017 WAQF ENGAGEMENT ACTIVITIES 2016 - 2017

Muzakarah Sultan Nazrin Muizzuddin Shah

Ipooh, 7 Februari 2017



"Waqf's Role in the Future of Universities" Forum organised by the Ministry of Higher Education

Putrajaya, 11 November 2016



Journal of Islamic Monetary Economics and Finance ; "Empowering Zakat and Waqf for Accelerating Financial Inclusion"

Surabaya, Indonesia, 30 Oktober 2015



AKTIVITI PEMBUDAYAAN WAKAF 2016 - 2017 WAQF ENGAGEMENT ACTIVITIES 2016 - 2017

Luncheon address on Corporate Waqf® to Top Diplomat D8 Group of OIC Countries namely Pakistan, Egypt, Indonesia, Malaysia, Turkey, Nigeria, Bangladesh and Iran
Kuala Lumpur, 18 Mei 2017




"Intellectual Discourse" involving more than 400 Muslim students studying in universities in Malaysia organised by JAKIM & UKM

Putrajaya, 18 Mei 2017



Seminar Pembiayaan Dan Pembangunan Wakaf IPT 2017

Universiti Malaya, 24 Mei 2017





**WAQAF
KORPORAT®**

**INSTITUSI
MEMPERKASA
UMAT**

KENYATAAN KORPORAT

AWQAF HOLDINGS BHD

KENYATAAN KORPORAT 2016

Bismillah ir Rahman ir Rahim

Segala puji-pujian hanya kepada Allah SWT, selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga dan para sahabat baginda.

Alhamdulillah, bagi pihak Awqaf Holdings Bhd, (AWQAF), kami memanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi, kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, AWQAF berjaya mencatat beberapa pencapaian baharu seperti yang terkandung dalam Laporan Tahunan bagi Tahun Kewangan 2016.

Sesungguhnya, menerusi penerbitan Kenyataan Korporat 2016 ini, sekali lagi, tercapailah hasrat Awqaf Holdings Bhd untuk sentiasa bertindak dengan terbuka, tulus dan telus, menyampaikan segala maklumat berkaitan AWQAF dan perkhidmatannya. Ketelusan ini penting bukan sahaja bagi Ahli-Ahli AWQAF dan semua pewakaf dan pelabur di dalam projek AWQAF, malahan juga kepada badan seperti Majlis Agama Islam Negeri Sembilan selaku pihak berautoriti yang mentauliahkan status Mutawalli kepada Awqaf Holdings Bhd atas dasar AWQAF sebagai sebuah institusi “Waqaf Korporat®”.

Selain itu, pada akhirnya ketelusan dan maklumat lengkap juga wajib disampaikan kepada masyarakat amnya, supaya masyarakat sendiri dapat menilai prestasi, mengukur pencapaian atau sebaliknya, selain memahami aspirasi dan matlamat perjuangan AWQAF. Masyarakat harus meyakini bahawa kaedah pengurusan AWQAF berupaya melindungi kepentingan jangka panjang masyarakat amnya dan umat Islam Malaysia khasnya.

Pada akhirnya, tujuannya ialah untuk menggalakkan masyarakat memberi sepenuh kepercayaan kepada AWQAF dan mendokong institusi Waqaf Korporat® sebagai satu institusi yang pada jangka panjang, insya Allah, akan dapat membantu menyelamatkan harta dan aset milik umat daripada terlepas milik kepada pihak luar atau asing.

Waqaf Korporat®

Dalam membentangkan Laporan Tahunan AWQAF 2016, izinkan kami menghurai dan memberikan penjelasan ringkas mengenai konsep Waqaf Korporat®, aspirasi dan rasional di sebalik penubuhannya, serta menggariskan kaedah yang AWQAF gunakan dalam melaksanakan projek pertamanya, iaitu projek pembangunan harta tanah komersil PERSADA AWQAF di Putrajaya.

Waqaf Korporat® adalah satu inovasi yang mengintegrasikan institusi wakaf Islam secara langsung ke dalam sistem pembangunan ekonomi negara yang hari ini dilihat dipacu terutamanya oleh organisasi bisnes dan korporat swasta. Matlamat jangka panjangnya ialah menyeimbangkan sistem ekonomi yang didominasi oleh korporat milik swasta, bertujuan memberi peluang kepada majoriti rakyat jelata mendapat akses dan manfaat yang saksama daripada perkembangan sektor bisnes dan korporat negara.

Semua pegangan aset dan harta milik AWQAF ialah bersifat aset atau harta wakaf dan milik amanah yang dipegang oleh AWQAF sebagai Waqaf Korporat® bagi pihak masyarakat Muslim khasnya. Menerusi kaedah ini rakyat majoriti dapat berkongsi manfaat penambahan nilai dan penjanaan kekayaan melalui aktiviti korporat dan perniagaan yang mapan. Dengan cara ini juga, sumber modal wakaf masyarakat dan komuniti Muslim khasnya dapat digembung untuk menambah nilai ekonomi ke arah mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi, menangani kemiskinan dan mengekalkan kemakmuran masyarakat melalui pendekatan berdasarkan bisnes. Kaedah bisnes menggalakkan keusahawanan, sekali gus menjana harta dan memperkaya peluang-peluang pekerjaan untuk manfaat masyarakat.

Selain itu, berdasarkan prinsip "wakaf" dengan menyerahkan hak milik atas nama Allah SWT, institusi Waqaf Korporat® seperti AWQAF dapat menjamin pengekalan dan kelestarian hakmilik aset, hartanah, bisnes dan harta korporat kekal berpanjangan generasi demi generasi. Dengan cara ini AWQAF dapat membina keupayaan korporat ummah memperkasa ekonomi negara untuk bersaing di pasaran global yang didominasi korporat gergasi global.

Dalam keadaan umat Islam sangat tertekan hari ini, adalah menjadi kewajipan mereka memulakan langkah untuk bertindak besar bertaraf satu jihad, memobilisasi semua sumber untuk menjayakan pencapaian Maqasid Al Syari'ah, terutama apabila iman, diri (atau nyawa), akal, generasi dan harta kekayaan milik umat kelihatan semakin terhakis dan terancam. Sesungguhnya umat Islam tergugat dari segala sudut dalam bidang kehidupan, yang berpunca bukan sahaja daripada ancaman oleh musuh Islam dari luar, malahan juga daripada kelemahan dalaman di kalangan umat.

Dalam konteks sistem ekonomi dunia yang diterajui bisnes atau *business-driven*, umat Islam telah ketinggalan jauh di belakang dan majoriti umat Islam berpanjangan hidup miskin. Di negara Islam yang maju ekonominya sekali pun, seperti Malaysia, majoriti Muslim miskin relatif, terkebelakang dari segi pendapatan dan harta kekayaan berbanding dengan warga negara bukan Islam; terperangkap dalam kongkongan berpendapatan sederhana dan sebahagian besar tidak berdikari, berkelangsungan bergantung hidup terutama kepada kerajaan sendiri.

Keadaan ini timbul terutama disebabkan oleh kegagalan umat menyambut seruan agama mereka menjadikan perniagaan atau bisnes "sembilan persepuhl" daripada sumber rezeki. Juga, kegagalan mereka membina keupayaan untuk bersaing dalam bisnes secara teratur dan berorganisasi. Waqaf Korporat® bertujuan khas untuk mengatasi kelemahan organisasi dengan memperkasakan ekonomi ummah menggunakan institusi wakaf warisan Islam.

Kaedah wakaf turut memangkinkan proses memperkasa ekonomi umat dilakukan tanpa menambahkan lagi kerosakan kepada masyarakat dan tamadun, iaitu dengan menegakkan amanah dan memperjuangkan keadilan sebagai teras peradaban tinggi Islam. Selain itu, Waqaf Korporat memangkinkan kaedah inklusif tanpa mengetepikan sesiapa, terutama golongan majoriti berpendapatan rendah dan sederhana yang umumnya dipinggirkan oleh sistem ekonomi kapitalis global yang cuma meperkasa dan memperkayakan golongan atasan yang kaya-raya, langsung menekan, menindas dan meminggir golongan majoriti yang miskin dan hidup menderita dibelenggu hutang dan kesempitan sepanjang hayat.

Ditubuhkan sebagai sebuah wakaf, Waqaf Korporat® boleh bertindak sebagai sebuah institusi berasaskan komuniti atau *community-driven* yang menggerakkan sumber-sumber komuniti untuk menjadi peneraju utama menjayakan bisnes mapan milik komuniti. Antara faktor-faktor kritikal yang menjadi pra-syarat kepada kejayaan Waqaf Korporat® adalah penubuhannya sebagai organisasi bermatlamatkan bisnes sepenuhnya. Struktur korporat dan sistem pengurusannya, seperti yang diamalkan oleh AWQAF, wajib mengguna-pakai amalan tadbir urus korporat terbaik, selain menentukan ia diterajui oleh eksekutif berdaya keusahawanan *entrepreneur* pada setiap masa.

Sebagai sebuah badan korporat berasaskan bisnes yang mesra pasaran, AWQAF tidak berhasrat bertindak eksklusif hanya membabitkan warga Islam dalam aktiviti-aktiviti bisnesnya, malah perlu mengambil kira suasana masyarakat majmuk pelbagai kaum dan agama. Oleh itu, sekali pun menggunakan institusi wakaf Islam, tumpuan bisnes dan korporat wajar fokus kepada memanfaatkan sepenuhnya keahlian dan kepakaran unggul dan terbaik tanpa mengira kaum dan keturunan, terutama dalam menggembung daya keusahawanan atau *entrepreneurship* berkeupayaan tinggi.

Satu kelebihan strategik terdapat pada institusi Waqaf Korporat ialah pengekalan hak miliknya. Ciri ini sangat penting untuk membanteras kebocoran dan hakisan aset dan bisnes milik bangsa Melayu dan umat Islam yang berleluasa berlaku, terutama setelah Dasar Penswastaan diperkenalkan. AWQAF berpendapat penswastaan kepada badan Waqaf Korporat satu pilihan terbaik yang perlu kerajaan utamakan, kerana ia tidak membabitkan pindahan kepentingan kepada individu yang mudah terlepas tangan. Lagi pun penswastaan konvensional sering dianggap sebagai suatu perbuatan "memindahkan kekayaan milik amanah majoriti golongan miskin untuk manfaat segelintir orang kaya". Kaedah penswastaan begini wajar dikaji semula kerana ia pasti mengakibatkan pelebaran jurang kaya-miskin, selain berpotensi menghakiskan hak milik negara jika akhirnya terlepas pula pemilikannya kepada warga atau korporat asing, termasuk MNC global.

Penswastaan aset dan bisnes milik GLC atau kerajaan kepada Waqaf Korporat® sangat wajar kerana organisasi Waqaf Korporat® bukan milik kerajaan. Lagi pun langkah ini menyumbang secara langsung kepada memperkasakan rakyat jelata dan golongan bukan korporat, sekali gus merapatkan jurang ekonomi, menambah nilai modal sosial selain membangkitkan kepercayaan rakyat membulatkan perpaduan bangsa.

Sama seperti wakaf tradisional untuk tujuan kebajikan, Waqaf Korporat® juga berpotensi menyeimbangkan ekonomi supaya lebih adil, saksama dan prihatin. Dalam hal ini, AWQAF telah mula melancarkan program ZuriatCARE, yang ditujukan khas untuk membasmi salah satu masalah besar yang dihadapi masyarakat Muslim kontemporari, iaitu berhubung dengan fenomena pembuangan atau pembunuhan bayi serta fenomena warga remaja yang semakin ramai didapati berkesedudukan sehingga melahirkan anak yang tidak sah taraf.

Bila sampai kepada tahap *critical mass* nanti, rangkaian institusi Waqaf Korporat® dijangka dapat membiayai dan menyokong program pembangunan sosial oleh mana-mana NGO. dalam membasmi bukan sahaja fenomena ini, juga masalah sosial lainnya. Program amal AWQAF juga berupaya dikembang-luaskan untuk menyampaikan kebajikan berimpak

tinggi dan berkelangsungan yang juga tidak eksklusif, malah membawa manfaat untuk semua golongan rakyat miskin dari kalangan semua kaum, peringkat kelas dan pendapatan.

Waqaf Korporat® adalah inovasi institusi yang bukan hanya terhad kepada mengurus saham-saham yang diwakafkan oleh masyarakat Islam, iaitu satu kaedah wakaf saham yang telah diperkenalkan dalam dunia Islam dari sejak tahun 1900-an lagi. Ia juga berperanan lebih luas berbanding penubuhan yayasan atau badan wakaf anjuran syarikat swasta atau badan korporat untuk tujuan CSR atau kebajikan yang banyak terdapat hari ini. Justeru, organisasi Waqaf Korporat® mesti beridentiti korporat dan berkuasa autonomi sepenuhnya, menjana keupayaan ekonominya sendiri, tertakluk kepada peruntukan kuasa dalam Memorandum dan Artikelnya ("M&A") dan syarat-syarat kelulusan Mutawallinya. Susunan organisasinya juga perlu distrukturkan supaya berkeupayaan tinggi dan berkelangsungan menentukan masa hadapannya sendiri di bawah bimbingan pengasas dan ahli Lembaga Pengarah yang berwibawa, berkepakaran dan berpengalaman dalam bisnes mengikut kaedah korporat.

Tegasnya, Waqaf Korporat® adalah institusi unik yang sangat berbeza dengan yayasan atau badan amanah yang ditubuhkan oleh syarikat-syarikat milik swasta. Perbezaan paling asas ialah hakikat bahawa Waqaf Korporat® bukan dimiliki oleh mana-mana entiti swasta atau golongan eksklusif korporat tertentu. Oleh itu, Waqaf Korporat® tidak bergantung masa depannya kepada sumbangan, anjuran atau ihsan kepentingan peribadi individu atau korporat tertentu. Banyak yayasan atau badan amanah dan badan-badan amal hari ini terus menerus bergantung kepada kemurahan hati dan keikhlasan penderma dan penaung korporat masing-masing yang kadang kala mendedahkan mereka kepada pasang-surut keupayaan penderma menyumbang dan menderma.

Mencapai aras kecemerlangan baharu

Alhamdulillah, sejak penubuhannya, pelbagai aktiviti telah AWQAF jalankan bagi memberi pencerahan berkenaan Waqaf Korporat®, termasuk pendedahan dan pendidikan serta dakwah berterusan berhubung manfaat Waqaf Korporat® kepada masyarakat khususnya dan potensi impak besarnya kepada ekonomi negara secara amnya. Kesedaran dan pengetahuan masyarakat telah diterjemahkan dengan penerimaan dana wakaf terkumpul pada akhir Tahun Kewangan 2016 berjumlah RM2.55 juta. Sebahagian terbesar sumber wakaf diterima dalam bentuk wakaf yuran ahli apabila semua pewakaf diiktiraf sebagai Ahli AWQAF mengikut kategori masing-masing.

Bagi pihak AWQAF, kami bersyukur dan berterima kasih di atas amanah dan kepercayaan yang diberikan terutama oleh ahli-ahli baharu dalam menjayakan himpunan dana wakaf tersebut.

Bagi memanfaatkan sepenuhnya himpunan dana wakaf ini, pihak AWQAF telah melabur dalam industri harta tanah dengan pembelian 2.2 ekar tanah di Presint 3 Putrajaya. Pada 26 March, 2015, AWQAF telah menandatangani satu Perjanjian pembelian tanah bersama Putrajaya Holdings Sdn Bhd (PJH), yang sekali gus menandakan komitmen AWQAF membangunkan projek pertamanya di Putrajaya. Berdasarkan perjanjian tersebut, AWQAF segera bertindak meletakkan asas pelaburannya ke dalam projek pembangunan harta tanah komersil pertamanya, iaitu PERSADA AWQAF. Projek ini terletak di lokasi strategik iaitu di

pusat komersil utama Putrajaya berhadapan Masjid Tuanku Mizan Putrajaya. Projek ini dijangka akan membabitkan nilai kasar pembangunan (GDV) berjumlah RM376 juta dan tuurut membuka peluang kepada orang ramai melabur dengan membeli premis komersil di Pusat Komersil (*Central Business District*) Putrajaya.

Model bisnes yang berdaya maju menggabungkan dan merealisasikan kedua-dua matlamat wakaf dengan matlamat bisnes/korporat telah berjaya dibangunkan oleh AWQAF. Model bisnes ini disimpulkan ke dalam slogan: "Waqaf Korporat: Penyelamat Harta Negara, Bangsa dan Umat!"

Program ZuriatCARE: Program fi sabilillah mendekati masyarakat dan memberi bantuan

Selain melindungi harta seperti yang dianjurkan oleh aspirasi Maqasid Syariah, AWQAF juga tidak ketinggalan dalam menjayakan salah satu lagi anjuran Maqasid, iaitu pemeliharaan keturunan. Sehubungan dengan itu AWQAF telah menubuhkan Tabung Waqaf Khas ZuriatCARE yang dipertanggungjawab mengendalikan program amal fi sabilillah. Antara lain, ZuriatCARE di bawah pimpinan Tan Sri Datin Paduka Siti Sa'diah Sheikh Bakir, juga salah seorang Ahli Lembaga Pengarah AWQAF, telah pun bertindak bekerjasama rapat dan memberi sokongan kepada NGO yang aktif dalam melindungi kepentingan zuriat keturunan.

Kami juga amat bersyukur kerana pada hari pertama Tabung Waqaf Khas ZuriatCARE dilancar, Tabung ini berjaya menerima dana wakaf sebanyak RM132,000. Jumlah tersebut meningkat kepada RM152,073 pada Tahun Kewangan 2016. Dana ini telah digunakan untuk memberi sumbangan kepada beberapa NGO yang aktif melindungi remaja wanita, terutama yang terlibat dengan masalah anak tidak sah taraf. Selain itu, melalui Dana Waqaf ZuriatCARE ini juga beberapa forum dan program kesedaran dianjurkan dalam usaha untuk memberi pendedahan dan pengetahuan berkenaan gejala sosial ini yang merosakkan. Setelah diambil kira segala perbelanjaan penganjuran program-program terbabit, baki Dana Terkumpul Waqaf ZuiratCARE pada akhir 2016 berjumlah RM129,008.

Seperti yang sedia maklum, salah satu ciri asas Waqaf Korporat® adalah menghimpun dan memelihara sumber (*accumulate & conserve resources*) yang mana ianya dilaksanakan melalui pembahagian keuntungan bersih perniagaan kepada dua bahagian; iaitu 70 peratus daripada keuntungan dilaburkan semula dan 30 peratus disalurkan kepada aktiviti fi sabilillah. Dengan adanya prospek keuntungan daripada pelaburan projek PERSADA AWQAF sumber dana untuk Tabung Waqaf Khas ZuriatCARE dijangka akan meningkat, sekali gus berpotensi memperluaskan impak program fi sabilillah AWQAF untuk manfaat masyarakat.

Sepanjang Tahun Kewangan 2015-2016 beberapa aktiviti kebajikan ZuriatCARE telah dilaksanakan. Antaranya, kerjasama dengan Dewan Perdagangan Islam Malaysia cawangan Putrajaya; NGO Seed dan kerjasama rapat dengan Hafizah Hana & Associates menjayakan program iftar cahaya Ramadhan pada 10 Julai 2015 bagi meraikan 80 anak-anak daripada Yayasan Chow Kit dan Rumah Anak Yatim dan Asnaf As Solihin Kanchung Darat.

Selain itu ZuriatCARE telah membuat lawatan ke Pusat Bimbingan Remaja Raudhatus Sakinah dan Pusat Perindungan Wanita Dar Assa' Adah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Kesinambungan daripada lawatan tersebut, ZuriatCARE telah mewujudkan

satu kolaborasi strategik bersama Raudhatus Sakinah dalam usaha memberi kesedaran dan bimbingan kepada para remaja perempuan dan wanita.

Kolaborasi ini diteruskan pada 2016, dengan penganjuran beberapa program kesedaran meliputi pelbagai lapisan masyarakat termasuk pelajar-pelajar peringkat sekolah, peringkat universiti dan masyarakat secara keseluruhannya. Di antara program-program yang telah dilaksanakan termasuklah program forum kesedaran peringkat masyarakat awam yang bertajuk ***“Zuriat, Satu Amanah atau Fitnah”*** bertempat di Perpustakaan Raja Tun Uda Shah Alam. Program ini menggabungkan beberapa panel yang terlibat secara langsung dalam masalah remaja dan wanita yang menghadapi masalah khususnya mengandung anak tidak sah taraf dan cendiakawan agama yang memberi pandangan dan kupasan yang terperinci dalam menangani masalah ini. Gandingan ZuriatCARE bersama rakan strategiknya, Raudhatus Sakinah juga meneruskan penganjuran program kesedaran ini di peringkat sekolah dan juga universiti. Antara program tersebut adalah program ***“Atas Nama Cinta”*** yang diadakan di Sekolah Menengah Kebangsaan Presint 14 (1) Putrajaya dan program ***“Antara Cinta dan Cita – Cita”*** yang telah dianjurkan dengan kerjasama *KPJ Healthcare University College Nilai Negeri Sembilan*.

Program-program ini dijalankan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran, mendidik dan berkongsi maklumat bersama dengan masyarakat, pelajar-pelajar sekolah, anak-anak muda khususnya pelajar universiti dalam memimpin mereka mengenai cara bagaimana menyumbang dan mengatasi isu-isu sosial yang membimbangkan. Secara keseluruhan, maklum balas yang baik serta menggalakkan telah diterima daripada peserta yang terlibat. Pensyarah, guru-guru dan pelajar yang menyertai program ini, amat teruja dan sangat berminat dalam setiap modul yang dibentangkan. ZuriatCARE berhasrat untuk meneruskan program ini pada masa akan datang, bagi memastikan program kesedaran seperti ini disampaikan secara berterusan kepada masyarakat secara menyeluruh.

Pencapaian 2016 dan fokus 2017

Sepanjang Tahun Kewangan 2016 dan 2017, selain meneruskan kempen kesedaran dan pendidikan tentang manfaat dan implikasi wakaf, aktiviti AWQAF lebih ditumpukan kepada pembangunan PERSADA AWQAF. Sehubungan itu kerjasama dengan pihak pengurusan dan pemasaran projek, para arkitek, juru-ukur tanah dan bahan, jurutera mekanikal, elektrikal dan infrastruktur, perancang bandar dan rakan strategik berjaya menghasilkan perolehan Kelulusan Pembangunan PERSADA AWQAF daripada Pihak Berkuasa Tempatan.

Alhamdulillah, pada 5hb September 2016, Perbadanan Putrajaya telah mengeluarkan surat rasmi meluluskan pembangunan PERSADA AWQAF.

Kami mengucapkan setinggi tahniah dan terima kasih kepada semua konsultan, khasnya Mekar PDP Sdn Bhd selaku Rakan Pembangunan Projek (*Project Development Partner*) yang bertanggungjawab mengurus semua aspek pembangunan/pemasaran PERSADA AWQAF.

Pada 2016-2017 AWQAF akan terus aktif dalam menjayakan program perkongsian ilmu dan kempen kesedaran dan pendidikan kepada masyarakat berkenaan Waqaf Korporat®. Pelbagai program telah dilaksanakan melalui saluran yang efektif dalam menyampaikan

informasi, antaranya termasuk beberapa sesi penerangan Waqaf Korporat® kepada institusi-institusi korporat, agensi kerajaan dan institusi ilmiah dan pendidikan.

Di antara sesi perkongsian yang diadakan pada 2016 termasuk perkongsian konsep Waqaf Korporat® bersama warga kerja Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM); pembentangan dan perbincangan berkenaan konsep Waqaf Korporat® bersama Majlis Perundingan Melayu (MPM) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA); perkongsian bersama pelajar dan pensyarah *International Centre for Education in Islamic Finance* (INCEIF); sesi perkongsian di Seminar Wakaf Korporat® peringkat Negeri Pahang; dan sesi pembentangan di Konvensyen Nasional Penyatuan Bangsa 2016 - Menyingkap Perjuangan Bangsa, yang diadakan di Dewan Agong Tuanku Canselor (DATC), UiTM Shah Alam.

Selain itu, perkongsian agenda Waqaf Korporat® juga dijalankan melalui media, antaranya RTM, BFM radio, dan penulisan bersiri berkenaan Waqaf Korporat® di media cetak seperti di akhbar *The Star*. Jelas sekali program-program seperti ini berjaya membawa kefahaman yang lebih mendalam dan memudahkan penerimaan masyarakat terhadap AWQAF serta konsep institusi Waqaf Korporat®.

Website AWQAF, www.awqaf.my juga telah digerakkan dan website interaktif yang dimajukan oleh Rakan Digital AWQAF, BeetMal Sdn Bhd, turut memudahkan pendaftaran ahli secara atas talian, selain memangkinkan semua urusan sumbangan wakaf yuran ahli dan sumbangan wakaf tunai lainnya, termasuk sumbangan kepada Tabung Waqaf ZuriatCARE, dapat dikendalikan atas talian.

Tahun 2016 juga mencatat impak paling besar kepada perjuangan AWQAF dalam usaha mendapatkan pengiktirafan rasmi institusi Waqaf Korporat. Hal ini berlaku pada Persidangan Multaqa Ekonomi anjuran Majlis Perundingan Islam (MPI) yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia, yang diadakan di *Putrajaya International Convention Centre* (PICC) Putrajaya pada 28 September 2016. AWQAF amat bersyukur kerana Pengerusi AWQAF secara rasminya telah dilantik selaku Pengerusi, Kluster Ekonomi pada persidangan Multaqa MPI terbabit.

Alhamdulillah, di akhir Multaqa, lima usul besar daripada Kluster Ekonomi telah diterima oleh kira-kira 500 peserta Persidangan Majlis MPI. Paling menggalakkan, usul utama Kluster Ekonomi Multaqa, iaitu mengenai Waqaf Korporat®, diterima sebulat suara dan dijadikan Resolusi Multaqa dengan saranan supaya institusi Waqaf Korporat® segera dijayakan pelaksanaannya di seluruh negara.

Kemuncak kepada pencapaian pada 2016 dicatat apabila Pengerusi AWQAF diundang untuk membentangkan pengalaman Malaysia dalam membangunkan institusi Waqaf Korporat® di Persidangan Waqaf Antarabangsa di bawah anjuran Pemegang Amanah Masjid Haram Makkah dan Madinah yang diadakan di kota Makkah pada 20 Oktober, 2016.

Di sidang Forum berkongsi pengalaman wakaf di negara-negara Islam, Menteri Hal Ehwal Wakaf Arab Saudi, Timbalan Menteri Wakaf Turki, Menteri Wakaf Jordan dan Menteri Wakaf Sudan turut berkongsi pengalaman di negara masing-masing. Alhamdulillah, pada Forum sama Pengerusi AWQAF berpeluang berkongsi pengalaman penubuhan AWQAF dan institusi Waqaf Korporat® di Malaysia.

Dengan hal demikian, pada 2017, fokus dan keutamaan paling tinggi akan AWQAF tumpukan khas kepada melaksanakan pembinaan dan menjayakan pembangunan PERSADA AWQAF di Putrajaya, bertujuan menjadikan PERSADA AWQAF sebagai projek ikon yang mencerminkan kewibawaan institusi Waqaf Korporat® di Malaysia.

Penghargaan

Bagi pihak Lembaga Pengarah, kami mencatatkan setinggi penghargaan khas kepada ahli-ahli pengasas AWQAF serta semua Ahli AWQAF di atas keyakinan dan kepercayaan terhadap konsep institusi Waqaf Korporat® serta sokongan awal mereka terhadap penubuhan AWQAF. Tanpa keyakinan dan kepercayaan awal semua pengasas dan Ahli AWQAF adalah mustahil penubuhan AWQAF dapat direalisasikan sehingga mendapat pengiktirafan sewajarnya, termasuk di peringkat antarabangsa.

Kami juga mengalu-alukan penyertaan Yayasan Iqra' di bawah pimpinan Dato' Seri Idris Jusoh sebagai Ahli Zamrud AWQAF. Yayasan Iqra' telah mewakafkan Yuran Ahli berjumlah RM500,000 pada 7 Mac, 2017. Penyertaan Yayasan Iqra' memberi nafas dan menyuntik tenaga baharu, selain menguatkan lagi azam AWQAF untuk meneruskan perjuangan menjayakan institusi Waqaf Korporat®.

Di kesempatan ini kami mengalu-alukan pelantikan Ahli Lembaga Pengarah yang baharu iaitu Datuk Dr. Mohd Ghazali Bin Md Noor. Bagi pihak Lembaga Pengarah AWQAF, kami juga mencatat setinggi penghargaan kepada Ahli-ahli Lembaga Pengarah yang bersara iaitu Muhammad Tahir Hashim dan Dato'Seri Muhammad Khanafi Bin Husin. Sumbangan mereka berdua kepada AWQAF amat besar dan akan sentiasa dikenang dan dihargai.

Penghargaan juga perlu kami tujukan kepada pihak pengurusan dan warga kerja AWQAF atas dedikasi mereka terhadap usaha mengembangkan agenda Waqaf Korporat®. Sumbangan besar mereka telah memangkinkan AWQAF berjaya mengatasi segala cabaran, halangan dan rintangan, terutama yang sangat mencabar di peringkat awal penubuhannya. Semoga AWQAF akan terus berada di atas landasan yang tepat ke arah pencapaian yang lebih gemilang, insya Allah.

Akhirnya setinggi penghargaan kepada semua Ahli AWQAF di atas kepercayaan dan amanah yang diberikan kepada AWQAF dalam memperjuangkan Jihad Bisnes dan agenda Waqaf Korporat®. Kami yakin sokongan padu yang diberikan oleh semua Ahli, juga anggota masyarakat amnya. disertai irungan doa restu semua, akan memberi kekuatan dan suntikan semangat baharu kepada pengurusan AWQAF untuk meneruskan perjuangan.

Kami mengharapkan agar seluruh warga kerja AWQAF dapat memberikan komitmen yang terbaik dan bekerja dalam satu pasukan profesional yang dinamis dan proaktif bagi memastikan AWQAF menjadi salah satu institusi yang bergerak maju dan berdaya saing, memperkasa ekonomi negara dan umat.

Percayalah, kejayaan jangka panjang AWQAF dalam usaha melindungi dan menyelamatkan aset dan harta milik negara dan umat daripada terlepas kepada milik asing, sekali gus menegakkan keadilan, amat besar makna dan pengertiannya kepada seluruh perjuangan untuk menebus maruah bangsa dan negara serta memartabatkan semula umat Islam dengan memperkasa ekonomi mereka, menegakkan keadilan ekonomi di Malaysia yang telah dirosakkan oleh kerakusan ekstrem dan kezaliman sistem kapitalis global.

Bagi pihak Lembaga Pengarah Awqaf Holdings Bhd,

Tan Sri Muhammad Ali Hashim,
Pengerusi AWQAF

Tan Sri Datin Paduka Siti Sa'diah Sheikh Bakir,
Pengerusi, ZuriatCARE,
Ahli Lembaga Pengarah AWQAF

Mohammad Sahar Mat Din
Timbalan Pengerusi AWQAF.



**WAQAF
KORPORAT®**

**INSTITUSI
MEMPERKASA
UMAT**

**LAPORAN
 PENYATA
 KEWANGAN**

AWQAF HOLDINGS BERHAD

No. Syarikat: 1015578-X

(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)

(Diperbadankan di Malaysia)

Laporan dan Penyata Kewangan
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016

No. Syarikat: 1015578-X

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
(Diperbadankan di Malaysia)

**LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

Isi Kandungan	Muka Surat
Maklumat Korporat	
Laporan Para Pengarah	1
Penyata Para Pengarah	5
Akuan Berkanun	6
Laporan Juruaudit Bebas	7
Penyata Untung atau Rugi dan Pendapatan Komprehensif Lain	11
Penyata Kedudukan Kewangan	12
Penyata Perubahan Dana	13
Penyata Aliran Tunai	14
Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan	15

No. Syarikat: 1015578-X

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
(Diperbadankan di Malaysia)

MAKLUMAT KORPORAT

Lembaga Pengarah	: Tan Sri Muhammad Ali Bin Hashim Mohammad Sahar Bin Mat Din Tan Sri Datin Paduka Siti Sa'diah Binti Sh Bakir Prof. Dr. Eg Rabiah Adawiah Binti Engku Ali Azizah Binti Abdul Rahman Abdul Mohsein Bin Mohd Shariff Prof. Dato' Dr. Mohamed Razali Bin Mohamed Yusoff Datuk Dr. Mohd Ghazali Bin Md Noor
Setiausaha Syarikat	: Norhana Binti Ramli (f) (BC/N/1815)
Pejabat Berdaftar	: No 3, Astanaz Kristal Court Jalan Kristal 7/67B Seksyen 7 40000 Shah Alam Selangor
Lokasi Utama Perniagaan	: Suite 21, PKNS BizPoint No 67B, Tingkat 1 Jalan Plumbum P/7P Seksyen 7 40000 Shah Alam Selangor
Juruaudit	: Afrizan Tarmili Khairul Azhar (AF : 1300) 4-04-2, Presint Alami Pusat Perniagaan Worldwide 2 Seksyen 13 40100 Shah Alam, Selangor
Bank Utama	: Bank Islam (M) Berhad

No. Syarikat: 1015578-X

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
(Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN PARA PENGARAH

Para Pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan dan penyata kewangan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2016.

AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA

Aktiviti utama Syarikat adalah untuk memperoleh, mengurus atau membangun harta, aset, tanah atau apa-apa sumbangan wakaf lain dengan tujuan memenuhi keperluan agama, kebajikan, dan pendidikan untuk manfaat masyarakat Islam. Salah satu matlamat jangka panjang Awqaf, selaras dengan penubuhannya sebagai sebuah institusi Waqaf Korporat ®, ialah melindungi hak milik asset wakaf dan segala hartanah dan bangunan milik Awqaf daripada terlepas hak milik ke tangan asing. Dengan menggunakan strategi bisnes dan kaedah korporat terbaik, Awqaf juga bertanggungjawab menghimpun aset dan menambah nilai ekonomi asset wakaf bertujuan pada akhirnya untuk merapatkan jurang milik harta dan aset yang semakin melebar, meminggaikan kedudukan ekonomi umat.

Tiada perubahan ketara dalam aktiviti-aktiviti utama dalam tempoh tahun berakhir.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	RM
Kurangan tahun semasa	<u>1,146,951</u>

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tidak ada pindahan yang penting daripada rizab atau peruntukan di sepanjang tahun kewangan.

PARA PENGARAH

Para Pengarah yang memegang jawatan sejak tarikh laporan yang lepas adalah:

Tan Sri Muhammad Ali Bin Hashim	
Mohammad Sahar Bin Mat Din	
Tan Sri Datin Paduka Siti Sa'diah Binti Sh Bakir	
Prof. Dr. Eg Rabiah Adawiah Binti Engku Ali	
Azizah Binti Abdul Rahman	
Abdul Mohsein Bin Mohd Shariff	
Prof. Dato' Dr. Mohamed Razali Bin Mohamed Yusoff	
Datuk Dr. Mohd Ghazali Bin Md Noor	(Dilantik pada 1 Mac 2017)
Dato' Seri Muhammad Khanafi Bin Husin	(Bersara pada 1 Mac 2017)
Mohammad Tahir Bin Hashim	(Bersara pada 27 Januari 2016)

Syarikat ini merupakan sebuah syarikat berhad dengan jaminan tanpa syer dan oleh itu ianya tidak mempunyai saham. Justeru, para pengarah tidak mempunyai sebarang kepentingan peribadi sebagai pemegang saham Syarikat.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
(Diperbadankan di Malaysia)

MANFAAT PARA PENGARAH

Sejak akhir tahun kewangan yang lalu, tiada Pengarah Syarikat telah menerima atau mendapat apa-apa ganjaran atau manfaat (selain manfaat yang termasuk dalam jumlah ganjaran diterima atau terkumpul seperti yang ditunjukkan dalam penyata kewangan atau pendapatan tetap sebagai pekerja sepenuh masa perbadanan induk) di bawah perjanjian yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat berkaitan dengan Pengarah atau dengan firma di mana Pengarah adalah ahli atau dengan syarikat di mana Pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang nyata selaras dengan Seksyen 169 (8) Akta syarikat, 1965.

MAKLUMAT- MAKLUMAT BERKANUN LAIN

Sebelum penyata kedudukan kewangan dan penyata untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain Syarikat disediakan, Para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi memastikan bahawa:

- a) semua hutang lapuk yang diketahui telah dihapuskira dan peruntukan/elaun secukupnya telah dibuat terhadap hutang rugu/kemerosotan nilai, dan
- b) semua aset semasa yang tidak mungkin direalisasikan melalui urusan perniagaan biasa pada nilainya seperti yang ditunjukkan di dalam rekod perakaunan Syarikat telah dikurangkan nilainya kepada amaun yang disyorkan boleh direalisasikan.

Sepanjang pengetahuan Para Pengarah, pada tarikh laporan ini, tidak wujud sebarang keadaan yang boleh menyebabkan:

- a) jumlah dihapus kira bagi hutang lapuk atau jumlah yang diperuntukkan bagi hutang rugu di dalam penyata kewangan Syarikat tidak mencukupi dengan jumlah yang ketara, atau
- b) yang menyebabkan nilai aset semasa Syarikat dalam penyata kewangan Syarikat mengelirukan, atau
- c) yang timbul sehingga cara menilai aset dan liabiliti sedia ada Syarikat mengelirukan atau tidak sesuai, atau
- d) yang sebaliknya tidak dilaporkan dalam laporan ini atau akaun, yang akan menyebabkan sebarang jumlah yang dinyatakan dalam laporan kewangan Syarikat mengelirukan.

AWQAF HOLDINGS BERHAD

(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
(Diperbadankan di Malaysia)

MAKLUMAT- MAKLUMAT BERKANUN LAIN (SAMB.)

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud:

- a) sebarang harta Syarikat yang telah dicagar pada akhir tahun kewangan ini dan telah menjadi sandaran bagi tanggungan-tanggungan pihak lain, atau
- b) sebarang tanggungan luarjangka yang berhubung dengan Syarikat sejak akhir tahun kewangan ini.

Tiada tanggungan luarjangka atau tanggungan-tanggungan lain bagi Syarikat yang akan berkuatkuasa, atau mungkin akan berkuatkuasa dalam tempoh dua belas bulan sejak akhir tahun kewangan ini yang, pada pendapat Para Pengarah, akan atau mungkin akan memberi kesan yang mendalam kepada keupayaan Syarikat untuk menunaikan tanggungjawabnya apabila sampai tempohnya kelak.

Pada pendapat Para Pengarah, penghasilan dari operasi Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016 tidak dipengaruhi secara ketara oleh sebarang perkara, urusniaga atau kejadian yang penting dan luar biasa berlaku dalam tempoh di antara akhir tahun kewangan dan tarikh laporan ini.


No. Syarikat: 1015578-X

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
(Diperbadankan di Malaysia)

JURUAUDIT

Juruaudit, **TETUAN AFRIZAN TARMILI KHAIRUL AZHAR**, telah menyatakan kesanggupan mereka menerima pelantikan semula.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah mengikut resolusi Para Pengarah,



TAN SRI MUHAMMAD ALI BIN HASHIM
Pengarah



MOHAMMAD SAHAR BIN MAT DIN
Pengarah

Shah Alam, Selangor

Tarikh : **08 MAY 2017**


No. Syarikat: 1015578-X

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
(Diperbadankan di Malaysia)

**PENYATA PARA PENGARAH
MENURUT SEKSYEN 169 (15) AKTA SYARIKAT , 1965**

Kami, **TAN SRI MUHAMMAD ALI BIN HASHIM** dan **MOHAMMAD SAHAR BIN MAT DIN**, selaku dua daripada Para Pengarah **AWQAF HOLDINGS BERHAD**, dengan ini menyatakan, Para Pengarah berpendapat bahawa penyata kewangan telah disediakan dengan sempurna mengikut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia, Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa dan Peruntukan Akta Syarikat, 1965, untuk memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Syarikat pada 31 Disember 2016 dan prestasi dan aliran tunai kewangan Syarikat untuk tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah menurut resolusi Para Pengarah,



TAN SRI MUHAMMAD ALI BIN HASHIM
Pengarah



MOHAMMAD SAHAR BIN MAT DIN
Pengarah

Shah Alam, Selangor

Tarikh : **08 MAY 2017**

No. Syarikat: 1015578-X

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
(Diperbadankan di Malaysia)


**AKUAN BERKANUN
MENURUT SEKSYEN 169 (16) AKTA SYARIKAT , 1965**

Saya, **HAFIDZAMZAHRY BIN OTHMAN**, Pegawai yang bertanggungjawab di atas pengurusan kewangan dan rekod perakaunan **AWQAF HOLDINGS BERHAD**, dengan ikhlas mengaku bahawa penyata kewangan yang disertakan mengenai kedudukan dan penyata pendapatan, aliran tunai dan perubahan dana, adalah, pada pendapat saya, betul dan saya membuat pengakuan ini dengan sesungguhnya mempercayai bahawa ianya benar dan menurut peruntukan Akta Akuan Berkunun, 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh penama di
atas **HAFIDZAMZAHRY BIN OTHMAN** di }
Shah Alam, Selangor pada }
08 MAY 2017 }



HAFIDZAMZAHRY BIN OTHMAN

Di hadapan saya,

Pesuruhjaya Sumpah

Shah Alam, Selangor



Lot 2.41, Anggerik Mall
No. 5, Jalan 14/8, Seksyen 14,
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan



AFRIZAN TARMILI KHAIRUL AZHAR
Chartered Accountants (AF1300)

Aftaas, 2, Jalan Rampai Niaga 2, Rampai Business Park, 53300, Kuala Lumpur
No. Syarikat: 1015578 - X ☎ (603) 4143 9330 ☎ (603) 4142 9330 ☏ aftaas@aftaas.com

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI
AWQAF HOLDINGS BERHAD**
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
(Diperbadankan di Malaysia)

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan **AWQAF HOLDINGS BERHAD**, yang terdiri daripada penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2016, penyata untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain, penyata perubahan ekuiti dan penyata aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan nota-nota kepada penyata kewangan, termasuk satu ringkasan dasar perakaunan yang penting dan nota-nota lain, seperti yang dibentangkan pada muka surat 11 hingga 33.

Pada pendapat kami, penyata kewangan yang disediakan memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Syarikat pada 31 Disember 2016, dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia, Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa dan keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia.

Asas Pendapat

Kami telah menjalankan pengauditan kami mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian-piawaian berkenaan telah dihuraikan dengan lanjut di bawah perenggan Tanggungjawab-tanggungjawab Juruaudit bagi audit Penyata Kewangan dalam laporan kami. Kami percaya bahawa bukti-buktii audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan sesuai untuk memberikan asas yang munasabah bagi pendapat kami.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika lain

Kami adalah bebas dan berkecuali daripada Syarikat ini mengikut Undang-Undang Kecil (Etika Profesional, Kelakuan dan Amalan) Institut Akauntan Malaysia ("Undang-Undang Kecil") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Kod Etika Profesional Akauntan ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika kami yang lain mengikut undang-undang kecil dan Kod IESBA.

Maklumat Lain Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit

Lembaga pengarah Syarikat bertanggungjawab untuk maklumat yang lain. Maklumat lain terdiri daripada maklumat yang dimasukkan dalam laporan tahunan, tetapi tidak termasuk penyata kewangan Syarikat dan laporan juruaudit.

Pendapat kami ke atas penyata kewangan Syarikat tidak merangkumi maklumat yang lain dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Member of Parker Randall International



Parker Randall

• Kuala Lumpur

• Shah Alam

• Kuantan

• Ipoh

• Kota Bharu



No. Syarikat: 1015578 - X

**LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI
AWQAF HOLDINGS BERHAD (SAMB.)**
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
(Diperbadankan di Malaysia)

Maklumat Lain Selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit (samb.)

Sehubungan dengan pengauditan kami ke atas penyata kewangan Syarikat, tanggungjawab kami adalah untuk membaca maklumat yang lain dan dengan berbuat demikian, kami dapat mempertimbangkan sama ada, pertimbangan sama ada maklumat yang lain itu tersebut tidak konsisten secara ketara dengan penyata kewangan Syarikat mahupun pengetahuan yang kami perolehi semasa pengauditan atau kesalahan yang ketara.

Jika, berdasarkan kerja yang telah kami lakukan, kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata yang ketara pada maklumat lain ini, kami dikehendaki melaporkan fakta tersebut.

Tanggungjawab Pengarah terhadap Penyata Kewangan

Lembaga pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Syarikat yang memberikan gambaran yang benar dan saksama menurut Piawaian Laporan Kewangan Malaysia ("MFRS"), dan peruntukan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalam mengikuti keperluan bagi penyediaan penyata kewangan Syarikat yang bebas daripada kesalahan yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Syarikat, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Syarikat untuk terus beroperasi sebagai satu usaha berterusan dan juga mendedahkan mengenai perkara-perkara yang berkaitan serta menggunakan asas perakaunan untuk usaha berterusan melainkan jika pengarah berhasrat untuk membubarkan Syarikat atau untuk menghentikan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik tetapi untuk berbuat demikian.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperolehi keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Syarikat secara keseluruhannya adalah bebas daripada kesalahan yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan suatu laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan kesalahan yang ketara apabila ia berlaku. Kesalahan ketara boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap penting sama ada secara individu atau secara terkumpul, ia boleh dijangkakan dengan munasabah dan boleh mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna yang diambil berdasarkan penyata kewangan ini.

Member of Parker Randall International



• Kuala Lumpur

• Shah Alam

• Kuantan

• Ipoh

• Kota Bharu

No. Syarikat: 1015578 - X

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI AWQAF HOLDINGS BERHAD (SAMB.)

(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
(Diperbadankan di Malaysia)

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Penyata Kewangan (samb.)

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional di seluruh audit. Kami juga:

- i) Mengenal pasti dan menilai risiko kesalahan ketara dalam penyata kewangan Syarikat, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit bersesuaian dengan risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai untuk memberikan asas yang munasabah terhadap pendapat kami. Risiko untuk tidak mengesan kesalahan ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada yang terhasil daripada kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan secara sengaja, gambaran yang salah, atau melangkau kawalan dalaman.
- ii) Mendapatkan pemahaman dalam kawalan dalaman yang relevan terhadap audit bagi tujuan merangka prosedur yang bersesuaian, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Syarikat.
- iii) Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kewajaran anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh Lembaga Pengarah.
- iv) Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh pengarah, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian yang berkaitan dengan peristiwa-peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan terhadap keupayaan syarikat untuk terus beroperasi sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian wujud, kami dikehendaki untuk melaporkan dalam laporan juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan di dalam penyata kewangan Syarikat atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami dibuat berdasarkan kepada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa hadapan boleh menyebabkan Syarikat untuk berhenti daripada terus beroperasi sebagai satu usaha berterusan.
- v) Menilai keseluruhan pembentangan, struktur dan kandungan penyata kewangan Syarikat, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan mewakili urus niaga dan peristiwa dalam cara yang yang mencapai pembentangan saksama.

Kami berkomunikasi dengan Lembaga Pengarah mengenai, antara lain, skop yang dirancang dan masa pengauditan dan penemuan penting, termasuk apa-apa kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa audit kami.





No. Syarikat: 1015578 - X

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA AHLI

AWQAF HOLDINGS BERHAD (SAMB.)

(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)

(Diperbadankan di Malaysia)

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Kawalan Selia yang Lain

Selaras dengan keperluan Akta Syarikat 1965 di Malaysia, kami juga melaporkan bahawa pada pendapat kami, rekod perakaunan dan rekod-rekod lain serta daftar yang dikehendaki oleh Akta untuk disimpan oleh Syarikat telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan-peruntukan Akta.

Perkara-Perkara Lain

Laporan ini disediakan untuk ahli-ahli Syarikat, sebagai sebuah badan, menurut Seksyen 174, Akta Syarikat 1965 di Malaysia dan tidak untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain untuk kandungan laporan ini.

AFRIZAN TARMILI KHAIRUL AZHAR
AF: 1300
Akauntan Bertauliah (Malaysia)

HJ TAMILI DULAH KUSNI
1735/01/18 (J)
Akauntan Bertauliah
Rakan kongsi

Shah Alam, Selangor

Tarikh: **08 MAY 2017**

Member of Parker Randall International



• Kuala Lumpur

• Shah Alam

• Kuantan

• Ipoh

• Kota Bharu

No. Syarikat: 1015578-X

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
(Diperbadankan di Malaysia)

**PENYATA UNTUNG ATAU RUGI DAN PENDAPATAN KOMPREHENSIF LAIN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

	Nota	2016 RM	2015 RM
Hasil	4	5,400	1,300
Lain - lain pendapatan		849	1,143
Perbelanjaan pentadbiran dan operasi		(1,153,200)	(305,956)
Kurangan daripada aktiviti operasi	5	(1,146,951)	(303,513)
Cukai	6	-	-
Kurangan tahun semasa/Kerugian komprehensif bagi tahun berakhir		(1,146,951)	(303,513)

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan

No. Syarikat: 1015578-X

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
(Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2016

	Nota	2016 RM	2015 RM
Aset-aset Bukan Semasa			
Peralatan	7	8,967	6,708
Kos pembangunan	8	<u>2,757,249</u>	<u>400,000</u>
		<u>2,766,216</u>	<u>406,708</u>
Aset-aset Semasa			
Penghutang dan deposit	9	5,084,890	4,030,600
Pemegang amanah	10	3,088,893	2,630,068
Baki tunai dan bank	11	<u>227,689</u>	<u>390,085</u>
		<u>8,401,472</u>	<u>7,050,753</u>
Liabiliti Semasa			
Pemiutang dan pendahuluan	12	<u>10,664,318</u>	<u>6,583,379</u>
		<u>10,664,318</u>	<u>6,583,379</u>
Aset Semasa Bersih		<u>(2,262,846)</u>	<u>467,374</u>
		<u>503,370</u>	<u>874,082</u>
Dana			
Modal wakaf korporat	13	1,834,381	1,040,600
Modal Khas-ZuriatCare	14	129,008	146,550
Kurangan terkumpul		<u>(1,460,019)</u>	<u>(313,068)</u>
		<u>503,370</u>	<u>874,082</u>

No. Syarikat: 1015578-X

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
(Diperbadankan di Malaysia)

**PENYATA PERUBAHAN DANA
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

	Tidak boleh diagihkan		Boleh diagihkan		Jumlah RM
	Modal dana wakaf korporat RM	Modal dana khas- zuriatcare RM	Lebihan/ (Kurangan) terkumpul RM		
Pada 1 Januari 2015	303,500	-	(9,555)	293,945	
Kurangan pada tahun semasa	-	-	(303,513)	(303,513)	
Penerimaan Dana	737,100	146,550	-	883,650	
Pada 31 Disember 2015	1,040,600	146,550	(313,068)	874,082	
 Pada 1 Januari 2016	 1,040,600	 146,550	 (313,068)	 874,082	
Kurangan tahun semasa	-	-	(1,146,951)	(1,146,951)	
Agihan dana	(145,550)	(18,065)	-	(163,615)	
Penerimaan dana	939,331	523	-	939,854	
 Pada 31 Disember 2016	 1,834,381	 129,008	 (1,460,019)	 503,370	

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan

AWQAF HOLDINGS BERHAD
 (Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
 (Diperbadankan di Malaysia)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	Nota	2016 RM	2015 RM
Aliran tunai daripada aktiviti operasi			
Kurangan sebelum cukai		(1,146,951)	(303,513)
<i>Pelarasian untuk:</i>			
Susutnilai peralatan		4,057	1,318
Kerugian operasi sebelum perubahan dalam modal kerja		(1,142,894)	(302,195)
<i>Perubahan dalam modal kerja:</i>			
Penghutang dan deposit		(1,054,290)	(4,030,600)
Pemegang amanah		(458,825)	(2,630,068)
Pemiutang dan pendahuluan		4,080,939	6,582,379
Kos pembangunan		(2,357,249)	(370,000)
Tunai digunakan dalam aktiviti operasi		(932,319)	(750,484)
Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan			
Pembelian peralatan		(6,316)	(8,026)
Tunai digunakan dalam aktiviti pelaburan		(6,316)	(8,026)
Aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan			
Penerimaan dana wakaf		793,781	737,100
(Agihan)/Penerimaan dana khas		(17,542)	146,550
Tunai diperolehi daripada aktiviti pembiayaan		776,239	883,650
(Kurangan)/Lebihan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai		(162,396)	125,140
Tunai dan kesetaraan tunai pada 1 Januari		390,085	264,945
Tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember	11	227,689	390,085

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

1. MAKLUMAT KORPORAT

Objektif Syarikat adalah untuk membangunkan bisnes, menghimpun aset, menambah nilai dan memupuk daya keusahawanan generasi baru, menjana peluang ekonomi baru, memakmurkan masyarakat dan negara menerusi kaedah bisnes dan korporat bersumberkan dana wakaf. Ianya bertujuan menjadi sebuah institusi Waqaf Korporat untuk merealisasikan matlamat jihad bisnes.

Syarikat ini diperbadankan dan diuruskan di Malaysia sebagai sebuah syarikat berhad dengan jaminan, tanpa modal saham.

Aktiviti-aktiviti utama adalah untuk memperoleh, mengurus, atau membangun harta, aset, tanah atau apa-apa sumbangan wakaf bertujuan memenuhi keperluan agama, kebajikan, pendidikan untuk manfaat masyarakat Islam. Tiada perubahan ketara dalam aktiviti-aktiviti utama dalam tempoh tahun berakhir.

Pejabat berdaftar adalah No 3 Astanaz Kristal Court, Jalan Kristal 7/67B, Seksyen 7, 40000 Shah Alam, Selangor dan lokasi utama perniagaan terletak di Suite 21, PKNS BizPoint, No 67B, Tingkat 1, Jalan Plumbum P/7P, Seksyen 7, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING

(a) Dasar penyediaan penyata kewangan

Penyata kewangan Syarikat telah disediakan mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ('MFRS'), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan keperluan Akta Syarikat 1965 di Malaysia.

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah mengumumkan bahawa Akta Syarikat 2016 akan dilaksanakan secara berperingkat dengan fasa pertama yang akan berkesan daripada 31 Januari 2017. Dengan penguatkuasaan fasa pertama Akta Syarikat 2016, Akta Syarikat 1965 dimansuhkan.

Berikut merupakan piawaian perakaunan, pindaan, dan pentafsiran MFRS yang telah diterbitkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia namun belum diterima pakai oleh Syarikat.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016 (SAMB.)**

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

MFRSs, tafsiran dan pindaan dan berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2016

- MFRS 14, *Akaun Penangguhan Aturan*
- Pindaan ke atas MFRS 5, *Aset Bukan Semasa Dipergang untuk Jualan dan Penamatan Kendalian (Peningkatan Tahunan Kitaran 2012-2015)*
- Pindaan ke atas MFRS 7, *Instrumen Kewangan: Pendedahan (Peningkatan Tahunan Kitaran 2012-2015)*
- Pindaan ke atas MFRS 10, *Penyata Kewangan Disatukan* dan MFRS 128, *Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama - Jualan atau Sumbangan Aset antara Pelabur dan Syarikat Bersekutu atau entiti usahasama.*
- Pindaan ke atas MFRS 10, *Penyata Kewangan Disatukan*, MFRS 12, *Pendedahan Kepentingan dalam Entiti Lain* dan MFRS 128, *Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama - Entiti Pelaburan: Memohon Pengecualian dalam Penyatuan.*
- Pindaan ke atas MFRS 11, *Pengaturan Bersama – Perakaunan untuk Pengambilalihan Kepentingan dalam Operasi Bersama*
- Pindaan ke atas MFRS 101, *Pembentangan Penyata Kewangan- Inisiatif Pendedahan*
- Pindaan ke atas MFRS 116, *Hartanah, Loji dan Peralatan* dan MFRS 138, *Aset Bukan Semasa - Penjelasan Kaedah Boleh Diterima Susut Nilai dan Pelunasan*
- Pindaan ke atas MFRS 116, *Hartanah, Loji dan Peralatan* dan MFRS 141, *Pertanian-Pertanian: Tanaman Pembawa*
- Pindaan ke atas MFRS 119, *Manfaat Kakitangan-Pelan Manfaat Wajib: Sumbangan Pekerja (Peningkatan Tahunan Kitaran 2012-2015)*
- Pindaan ke atas MFRS 127, *Penyata Kewangan Berasingan - Kaedah Ekuiti dalam Penyata Kewangan Berasingan*

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016 (SAMB.)**

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

MFRS, tafsiran dan pindaan yang berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2018

- MFRS 9, *Instrumen Kewangan* (2015)
- MFRS 15, *Hasil daripada Kontrak dengan Pelanggan*

Gunapakai permulaan piawaian, pindaan dan tafsiran lain dijangka tidak memberi sebarang kesan kewangan yang penting ke atas penyata kewangan tempoh semasa dan sebelum syarikat pada permulaan penggunaannya.

MFRS 15, Hasil daripada Kontrak dengan Pelanggan

MFRS 15 menggantikan panduan dalam MFRS 111, Kontrak Pembinaan, MFRS 118, Hasil, Tafsiran IC 13, Program Kesetiaan Pelanggan, Tafsiran IC 15, Perjanjian bagi Pembinaan Hartanah, Tafsiran IC 18, Pemindahan Aset daripada Pelanggan dan Tafsiran IC 131, Perolehan- Barang Melibatkan Perkhidmatan Periklanan. Dengan mengguna pakai MFRS 15, ia dijangka bahawa masa pengiktirafan perolehan mungkin berbeza berbanding dengan amalan semasa.

Penggunaan MFRS 15 akan menyebabkan perubahan dalam dasar perakaunan. Syarikat sedang menilai kesan kewangan melalui penggunaan MFRS 15.

MFRS 9, Instrumen Kewangan

MFRS 9 menggantikan panduan dalam MFRS 139, Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran ke atas klasifikasi dan pengukuran aset kewangan. Dengan mengguna pakai MFRS 9, aset kewangan akan diukur sama ada pada nilai saksama atau kos dilunaskan. Ia dijangka bahawa pelaburan Syarikat dalam saham tidak disebut harga akan diukur pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain.

Penggunaan MFRS 9 akan mengakibatkan perubahan dalam dasar perakaunan. Syarikat sedang menilai kesan kewangan melalui penggunaan MFRS 9.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016 (SAMB.)**

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMB.)

MFRS, tafsiran dan pindaan yang berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2019

- MFRS 16 "Pajakan"

Tiada sebarang piawaian yang disenaraikan di atas dijangka mempunyai kesan ketara ke atas penyata kewangan Syarikat pada permulaan, kecuali yang berikut:

- Pindaan kepada MFRS 107 Penyata Aliran Tunai - Inisiatif Pendedahan (berkuatkuasa dari 1 Januari 2017) memperkenalkan pendedahan tambahan kepada perubahan dalam liabiliti yang timbul daripada aktiviti pembiayaan.
- MFRS 9 "Instrumen Kewangan" (berkuat kuasa 1 Januari 2018) akan menggantikan MFRS 139 "Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran".

MFRS 9 mengekalkan tetapi memudahkan model pengukuran bercampur dalam MFRS 139 dan menetapkan tiga kategori utama pengukuran aset kewangan: kos penulasan, nilai saksama melalui untung atau rugi dan nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain ("OCI"). Asas kepada klasifikasi bergantung kepada model perniagaan entiti dan ciri-ciri aliran tunai kontraktual aset kewangan. Pelaburan dalam instrumen ekuiti sentiasa diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi dengan opsyen tidak boleh ditarik balik pada permulaan untuk membentangkan perubahan dalam nilai saksama dalam OCI (dengan syarat surat cara itu tidak dipegang untuk dagangan). Instrumen hutang diukur pada kos penulasan hanya jika entiti yang memegang ia untuk mengumpul aliran tunai kontrak dan aliran tunai mewakili pokok dan faedah.

Bagi liabiliti, standard ini mengekalkan sebahagian besar keperluan MFRS 139. Ini termasuk perakaunan kos penulasan bagi majoriti liabiliti kewangan, dengan pencabangan derivatif ditetapkan. Perubahan utama adalah bahawa, dalam kes-kes di mana pilihan nilai saksama diambil bagi liabiliti kewangan, sebahagian daripada perubahan nilai saksama kerana risiko kredit entiti sendiri direkodkan dalam pendapatan komprehensif lain bukannya keuntungan atau kerugian, melainkan jika ini mewujudkan ketidakpadanan perakaunan .

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016 (SAMB.)**

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMB.)

MFRS, tafsiran dan pindaan yang berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2019 (sambungan)

MFRS 9 memperkenalkan model kerugian kredit yang dijangkakan pada kemerosotan yang menggantikan model kerugian kemerosotan nilai yang ditanggung digunakan dalam MFRS 139. Model kerugian kredit yang dijangkakan bersifat pandang ke hadapan dan menghapuskan keperluan untuk suatu peristiwa yang telah berlaku sebelum kerugian kredit yang diiktiraf.

MFRS 9 menggantikan panduan dalam MFRS 139, Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran ke atas klasifikasi dan pengukuran aset kewangan. Dengan menggunakan MFRS 9, aset kewangan akan diukur sama ada pada nilai saksama atau kos penulasan.

Tiada sebarang piawaian yang disenaraikan di atas dijangka mempunyai kesan ketara ke atas penyata kewangan Syarikat pada permulaan, kecuali yang berikut: (sambungan)

- MFRS 9 "Instrumen Kewangan" (berkuat kuasa 1 Januari 2018) akan menggantikan MFRS 139 "Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran".

Ia dijangka bahawa pelaburan Syarikat dalam saham tidak disebut harga akan diukur pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain.

Penerimaan pakai MFRS 9 akan mengakibatkan perubahan dalam dasar perakaunan Syarikat sedang menilai kesan kewangan menggunakan pakai MFRS 9.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016 (SAMB.)**

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(b) Hartanah, loji dan peralatan

(i) Pengiktirafan dan ukuran

Loji dan peralatan dinyatakan pada kos ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai.

Kos termasuk semua perbelanjaan yang terlibat secara langsung dalam pembelian aset dan sebarang kos lain yang secara langsung digunakan agar aset dapat berfungsi untuk tujuan penggunaannya, dan kos untuk membuka dan menanggalkan peralatan ini dan kos pemulihan tapak di mana loji dan peralatan ditempatkan.

Kos aset yang dibina sendiri termasuk kos bahan dan pekerja langsung dan untuk aset yang bersamaan, kos pinjaman dijadikan sebagai kos aset tetap mengikut prinsip-prinsip perakaunan Syarikat. Perisian yang dibeli untuk membolehkan kelengkapan berkaitan dapat dijadikan sebagai sebahagian daripada kos peralatan tersebut.

(ii) Susutnilai

Susutnilai diiktiraf dalam penyata pendapatan atas dasar garis lurus di sepanjang anggaran jangka hayat berguna setiap bahagian sesebuah butiran hartanah, loji dan peralatan. Tanah pegangan bebas tidak disusut nilai. Hartanah, loji dan peralatan dalam proses pembinaan tidak disusut nilai sehingga aset-aset tersebut sedia untuk digunakan.

Anggaran hayat gunaan untuk tempoh semasa dan perbandingan adalah seperti yang berikut:

Komputer dan perisian	33.3%
Peralatan pejabat	20%

Kaedah susutnilai, hayat gunaan dan nilai baki dinilai semula pada akhir tempoh kewangan.

(c) Tunai dan kesetaraan tunai

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada wang tunai di tangan, baki dan deposit di institusi kewangan berlesen dan pelaburan berkecairan tinggi yang mempunyai risiko rendah untuk berubah nilai dengan tempoh matang yang asal diantara 3 bulan atau kurang dan digunakan oleh Syarikat untuk menguruskan penglibatan jangka pendek. Bagi tujuan penyediaan penyata aliran tunai, tunai dan bersamaan tunai dinyatakan bersih dari deposit yang dicagarkan.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016 (SAMB.)**

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(d) Rosot nilai

(i) Aset-aset kewangan

Kesemua aset kewangan adalah dinilai pada setiap tarikh laporan samada wujud sebarang bukti objektif rosot nilai akibat daripada berlakunya satu atau lebih situasi kewangan yang memberi kesan kepada anggaran nilai masa depan aliran tunainya. Kerugian yang dijangkakan daripada kejadian masa depan, tidak kira apa sekali pun, tidak diiktiraf. Untuk instrumen ekuiti, sebarang penurunan yang ketara dan berlanjutan ke atas nilai saksama dibawah kos ialah bukti objektif untuk rosot nilai.

Kerugian rosot nilai berkaitan dengan pinjaman dan belum terima diiktiraf dalam untung atau rugi dan diukur sebagai perbezaan diantara nilai bawaan aset dengan jangkaan nilai semasa aliran tunai jangkaan masa depan yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif asal aset tersebut. Nilai bawaan aset dikurangkan dengan menggunakan sebuah akaun elauan.

Jika dalam tempoh kewangan berikutnya, nilai saksama instrumen hutang meningkat dan peningkatan ini boleh dikaitkan secara objektif dengan peristiwa kewangan yang berlaku selepas kerugian rosot nilai diiktiraf dalam untung atau rugi, maka kerugian rosot nilai ini dibalikkan, pada suatu peringkat di mana nilai bawaan aset tidak melebihi nilai bawaan rosot nilai yang tidak diiktiraf pada tarikh rosot nilai ini dibalikkan. Nilai pembalikan ini diiktiraf dalam untung atau rugi.

(ii) Aset bukan kewangan

Nilai dibawa aset-bukan kewangan adalah dikaji pada setiap tempoh akhir laporan bagi menentukan samada berlaku sebarang petunjuk rosot nilainya.

Jika sebarang tanda ini wujud, maka nilai boleh pulih aset akan dianggarkan. Bagi tujuan pengujian kemerosotan nilai bagi aset ini, aset akan dikumpulkan bersama dengan kumpulan terkecil aset yang menjana aliran tunai daripada penggunaan yang berterusan dimana sebahagian besarnya bebas daripada aliran tunai aset atau kumpulan aset (unit menjana-tunai).

Nilai boleh pulih aset atau unit janaan-tunai adalah nilai mana lebih tinggi antara nilai gunaan dan nilai saksama ditolak kos jualan.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Syarikat Berhad Dengan Jaminan Tanpa Syer)
(Diperbadankan di Malaysia)

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016 (SAMB.)**

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

(d) Rosot nilai (sambungan)

(ii) Aset bukan kewangan (sambungan)

Dalam menganggar nilai gunaan, nilai anggaran aliran tunai masa depan didiskaunkan kepada nilai kini, menggunakan kadar diskau sebelum cukai yang menggambarkan anggaran nilai pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset ini.

Kerugian rosot nilai diiktiraf jika nilai bawaan aset tersebut atau unit-janaan tunainya melebihi nilai boleh pulih. Kerugian rosot nilai diiktiraf dalam untung atau rugi.

Bagi aset-aset lain, kerugian rosot nilai diiktiraf dalam tempoh sebelumnya akan dianggarkan pada setiap tempoh akhir pelaporan bagi sebarang petunjuk yang menunjukkan kerugian telah menurun atau tidak lagi wujud.

Kerugian rosot nilai akan dibalikkan jika berlaku sebarang perubahan dalam nilai anggaran yang digunakan untuk menentukan nilai boleh pulih daripada kerugian rosot nilai terakhir diiktiraf. Kerugian rosot nilai dibalikkan hanya pada peringkat nilai bawaan aset tidak melebihi nilai bawaan bersih yang telah ditentukan selepas susut nilai atau pelunasan, jika tiada kerugian rosot nilai telah diiktiraf. Pembalikkan kerugian rosot nilai direkodkan pada untung atau rugi dalam tahun dimana pembalikkan itu telah diiktiraf.

(e) Pembiutang

Pembiutang dinyatakan pada jangka masa awal dan seterusnya pada kos. Pembiutang diiktiraf apabila wujudnya tanggungan untuk membayar tunai atau harta kewangan yang lain kepada entiti lain.

(f) Penghutang

